

Bahaya satu kaum

UM 27 JUL 2001

ALOR SETAR 26 Julai – Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberi amaran kewujudan bandar-bandar baru di negara ini yang dimonopoli oleh sesuatu kaum sahaja boleh mengancam kestabilan negara.

Jelas beliau, kekhuatirannya itu bukan hanya disebabkan oleh penguasaan sumber ekonomi oleh kaum tersebut tetapi juga meliputi soal kependudukannya.

Katanya, senario sesuatu kaum memiliki premis-premis perniagaan di bandar-bandar baru amat berbahaya di negara ini kerana ia akan mengundang perasaan iri hati kaum lain.

Kata Perdana Menteri, keadaan seumpama itu tidak seharusnya dibiarkan berlaku sekiranya negara mahu terus kekal dalam suasana yang harmoni dan sejahtera.

“Kita lihat di Malaysia ini, bandar-bandar baru umpamanya, kita dapati tidak ada peniaga Melayu, semua peniaga adalah orang Cina belaka, India pun tidak ada.

“Jadi ini tidak sihat bagi sebuah negara berbilang kaum. Kita hendak supaya dalam bandar-bandar terdapat semua

kaum, Melayu, Cina dan India, semua ada bersama, berniaga bersama, barulah mereka tidak berasa iri hati terhadap satu sama lain,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan ke-38, Koperasi Pekan Rabu Alor Setar Berhad di Holiday Villa di sini, hari ini.

Sambil merujuk kepada peristiwa rusuhan kaum 13 Mei (1969), Perdana Menteri berkata, ia berlaku disebabkan oleh faktor yang sama.

“Saya kluatir kalau jadi perselisihan faham antara Cina dengan Melayu. Nanti orang Melayu mengamuk, dia masuk dalam bandar-bandar yang penduduknya 100 peratus Cina, dia mula bakar ataupun rosakkan harta yang terdapat di bandar ini.

“Sebab itu, kita perlu campurkan dalam semua bandar, mesti ada penduduk, peniaga yang terdiri daripada Melayu dan bukan Melayu, berniaga bersama-sama supaya kalau ada perselisihan faham pun, tidak ada tindakan ganas,” katanya.

Justeru, tegas beliau; “Kita mesti melihat semua bandar-

monopoli bandar baru

bandar di Malaysia ini ada kedai Cina, ada kedai Melayu, ada kedai India, semua sekali ada, barulah pembahagian kekayaan di negara kita menjadi lebih adil.”

Bagaimanapun katanya, masalah yang dihadapi sekarang ialah kesukaran untuk memasukkan orang Melayu ke bandar-bandar baru kerana ketiadaan peniaga yang benar-benar mampu bersaing dengan kaum lain.

Sambil menyelar sikap segelintir peniaga Melayu yang enggan berubah dan tidak mempunyai pengurusan yang sistematik, beliau menegaskan, sikap tersebut perlu dikikis segera jika orang Melayu tidak mahu terus tertinggal.

Daya saing

“Kita tanya pada diri kita, sampai bila kita nak jual di tepi jalan ini, 10 tahun lagi duduk di tepi jalan juga, 50 tahun lagi, duduk di tepi jalan juga, 100 tahun lagi, duduk di tepi jalan juga?”

Mengambil contoh Kuala Lumpur, Dr. Mahathir berkata, kerajaan sedang berusaha bersungguh-sungguh me-

mastikan agar ibu negara itu mempunyai peniaga-peniaga Melayu yang berjaya dan berdaya saing.

Tindakan itu katanya, dapat mengelakkan orang Melayu daripada bertindak melulu membakar harta-benda orang lain kerana kemungkinan yang dibakar itu juga milik mereka.

Perdana Menteri turut mempertikaikan tindakan peniaga Melayu yang suka menyalahkan kerajaan apabila gagal mendapatkan pinjaman.

Sebaliknya kata beliau, mereka perlu terlebih dahulu melihat kepada kelemahan pada diri sendiri.

Pihak bank, kata Dr. Mahathir terpaksa berbuat demikian kerana mereka tidak mahu menanggung kerugian dengan memberi pinjaman kepada golongan yang sukar membayar kembali.

Sekiranya seseorang peniaga itu tidak membayar balik pinjamannya, kata Dr. Mahathir, ia bukan hanya menyusahkan dirinya sendiri tetapi juga peluang orang Melayu lain untuk berniaga turut terjejas.